

02 MAY 1997

Cyberjaya-Pelancaran

UPACARA PELANCARAN CYBERJAYA BAGAIKAN SATU SAINS FIKSYEN

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Pelancaran Cyberjaya pada 17 Mei oleh Perdana Menteri bagaikan satu adegan dari filem sains fiksiyen sejajar dengan imej bandar raya pintar itu.

Upacara itu akan dihadiri oleh ketua pegawai eksekutif enam syarikat antarabangsa dan tempatan yang akan diberikan status Koridor Raya Multimedia (MSC), upacara tersebut berbetulan dengan Hari Telekom Dunia.

Cyberjaya adalah nukleus bagi bandar raya pintar yang pertama dalam MSC, sebuah kawasan seluas 15km kali 50km terletak di selatan Kuala Lumpur.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menggunakan "kad pintar" untuk memulakan upacara pecah tanah bagi bandar raya Cyberjaya, kata Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah kepada pemberita pada satu taklimat berkaitan pelancaran bandar raya itu hari ini.

Sebuah mesin yang berbentuk "moonraker" akan memecah tanah bagi memulakan upacara pecah tanah itu.

Kad pintar itu juga akan digunakan untuk memulakan beberapa jentera penolak tanah yang akan mula meratakan tanah bagi keenam-enam syarikat yang terbabit iaitu Nippon Telephone and Telegraph (NTT), Telekom Malaysia, TV3, Universiti Multimedia, Golden Hope Plantation dan MDC yang juga akan mengawasi pembangunan MSC.

Perdana Menteri juga akan mengetuai upacara menanam pokok bagi menambahkan "kehijauan" bandar raya Cyberjaya yang dibangunkan di kawasan sebuah ladang lama.

Seperti bandar berkembarnya Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru itu juga terletak dalam MSC, dan keadaan alam semula jadi di sekitar Cyberjaya akan dikekalkan untuk memberikan suasana kerja yang bersesuaian.

Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Datuk Zainuddin Muhammad yang hadir semasa taklimat itu berkata 34 belon udara panas akan dilepaskan bagi menunjukkan 34 syarikat telah komited untuk mengambil bahagian dalam MSC.

Zainuddin yang juga pengerusi jawatankuasa pemandu bagi upacara pelancaran itu berkata kedudukan 34 syarikat itu boleh ditunjukkan oleh sebuah replika jam matahari yang akan dibina di Cyberjaya kemudian.

Dr Mahathir kemudian akan melihat pameran berkaitan Cyberjaya dan kegiatan yang akan dilaksanakan oleh para penyewa di bandar raya itu.

Pameran itu kemudiannya akan dipindahkan ke Hotel Mines Resort untuk memberi peluang orang ramai melihatnya. -- BERNAMA

TCL RI